

**KAJIAN TAHAP PROFESIONALISME
GURU AGAMA DI SEKOLAH RENDAH AGAMA
KELOLAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

Dr. Muhamad Zahiri Awang Mat

Prof. Madya Dr. Nik Ahmad Hisham Ismail

Dr. Arifin Mamat

Dr. Md Yusnan Yusof

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Prof. Dr Mujaini Tarimin

Universiti Industri Selangor (UNISEL)

Md. Noor Hussin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Noor Akmal bt. Abdul Wahab

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRACT

Teacher's professionalism is very important in order to produce knowledgeable pupils with good moral conduct. The success of education relies primarily on how teachers apply knowledge, skills, methods, approaches and et cetera during the teaching and learning process, and how they attempt to empower themselves to achieve professional level. The purpose of this article is to examine teachers' profile and the level of professional practices among teachers in religious primary school. Religious domain was constructed to measure the level of religious professionalism among them. This is a descriptive study. The sample of the study was 350 religious teachers from selected districts. They are teaching in the Religious Primary Schools which are managed by the Islamic Religion Department of Selangor. Teachers' profiling showed that there are teachers who lack of training and professional guidance. It also showed that some teachers take for granted the practice of some religious aspects in their life. It is suggested that the authority should play their role in order to upgrade the quality of these teachers.

PENDAHULUAN

Matlamat utama pendidikan di dalam Islam ialah untuk melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Ini boleh dilaksanakan melalui proses pencarian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pemantapan amalan harian. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran yang bermaksud: “*Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad, s.a.w.) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syara'). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata*”. (Al-Jumu’ah : 2).

Ayat di atas menjelaskan prinsip-prinsip Islam tentang pendidikan dan untuk merealisasikannya memerlukan kepada modal insan yang bergelar guru atau pendidik. Tugas mengajar dan mendidik merupakan antara tugas yang amat penting dan mulia di dalam Islam. Tugas tersebut merupakan kesinambungan tugas Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana yang terdapat di dalam ayat di atas. Penekanan terhadap elemen profesionalisme keguruan seperti membaca dan menafsir, menunjuk jalan ke arah pembersihan jiwa (*tazkiah*) dan mengajar hendaklah dipandang serius. Para pendidik merupakan golongan pencetus dan perintis jalan bagi menyingkap tabir kejahilan umat manusia supaya dapat mengenal Allah s.w.t. dan mentaati syariatNya bagi mencapai ketakwaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Di dalam bidang pendidikan, guru bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses mendidik kerana mereka menjadi agen perubahan paling berkesan melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara rasmi di dalam kelas. Maka dengan itu para guru mestilah

profesional dari segi pembangunan kendiri, amalan bersosial dan amalan beragama.

Secara literal, Kamus Dewan (edisi empat) menjelaskan profesionalisme bermaksud “sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara perlaksanaan sesuatu dan lain-lain) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada seseorang yang berpengetahuan atau dilakukan oleh seorang profesional.” (www://prpm. dbp.gov.my, 6/11/2020). Guru pula secara umum adalah merujuk kepada mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan (pengajaran dan pembelajaran) samada berkhidmat dengan badan kerajaan ataupun swasta. Guru dalam konteks Malaysia merupakan mereka yang mengajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Merujuk kepada definisi profesionalisme di atas, maka apabila dikaitkan dengan profesi keguruan maka ia memberi makna tertentu. Profesionalisme keguruan adalah sifat-sifat sewajarnya yang perlu ada pada guru. Sifat-sifat yang sewajarnya itu sama ada berkaitan dengan kemampuan, kemahiran, tingkah laku dan sebagainya yang sewajarnya dipraktikkan sebagai seorang guru, sikap dan tingkah laku yang sewajarnya di mana semuanya diuruskan secara profesional dan memenuhi etika keguruan. Kesemua ini memberi kesan sama ada secara langsung ataupun tidak terhadap mutu pendidikan dan di dalam pembentukan sahsiah mulia di kalangan pelajar.

1. PERANAN GURU DALAM PENDIDIKAN

Keberkesanan pendidikan sangat bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh guru di sekolah di dalam membentuk pelajar yang berpengetahuan dan berakhhlak mulia. Program yang dianjurkan oleh guru dan pihak sekolah secara profesional juga memberi kesan positif terhadap perubahan diri pelajar. Program tersebut dapat membantu para guru di dalam meningkatkan sahsiah pelajar. Kajian Arifin Mamat dan

lain-lain (2010) mendapati guru beranggapan program dakwah dan agama di sekolah mampu membentuk akhlak yang mulia di kalangan pelajar.

Peranan guru sama ada di sekolah rendah atau menengah bukan semata-mata menyampaikan ilmu dan menjawat satu pekerjaan, malah yang lebih penting adalah mendidik, membimbing dan memimpin pelajar menjadi individu muslim yang syumul serta mampu menghadapi cabaran arus kemodenan dan globalisasi.

Ini bererti proses penitisan ilmu kepada pelajar perlu kepada bimbingan dan kepimpinan guru secara profesional. Profesionalisme keguruan amat penting di dalam meningkatkan kualiti guru dalam menjalankan tugas mereka secara efisyen dan progresif. Secara langsung mampu menjana dan menghasilkan mutu pendidikan yang lebih efektif dan membentuk insan yang harmonis dan dinamik di dalam hubungannya dengan Allah s.w.t. dan alam.

Pembentukan akhlak mulia di kalangan pelajar merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan oleh guru. Namun begitu, guru tidak akan terlepas dari permasalahan akhlak pelajar. Permasalahan akhlak merangkumi keruntuhan akhlak, gejala sosial dan maksiat. Permasalahan ini telah menjadi cabaran utama guru-guru dan tidak terlepas juga guru-guru di Sekolah Rendah Agama (SRA). Mengikut kajian terdahulu, dalam konteks kurikulum Pendidikan Islam sekolah kebangsaan, fokus utama adalah untuk mengatasi masalah sebilangan kecil pelajar yang berpencapaian rendah di dalam sistem pendidikan (Abdul Halim 2003).

Kajian yang telah dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri (2000, 2004) mendapati terdapat ramai pendidik termasuk guru Pendidikan Islam hari ini tidak mampu menjadikan dirinya sebagai *role-model* terbaik kepada pelajar. Malah ada yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kesannya, Pendidikan Islam gagal dihayati dan diamalkan dalam

kehidupan pelajar. Kegagalan pendidik dalam menyalurkan nilai murni dan sifat *mahmudah* dalam kehidupan menjadi faktor krisis akhlak dan disiplin pelajar yang semakin merunsingkan dewasa ini.

Kajian Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2002) di sekolah menengah terpilih di Selangor menunjukkan krisis pemahaman dan tingkahlaku berakh�ak di kalangan pelajar masih lagi berlaku. Dapatkan kajian menunjukkan sekitar 29.7% pelajar masih lagi mempunyai salah tanggapan terhadap konsep akhlak. Ini semua memerlukan guru yang betul-betul menjawai sifat agama dan amalan akhlak agar ia boleh dipindahkan kepada pelajar berasaskan pengalaman, penghayatan dan amalan seharian mereka. Maka persoalan akhlak guru perlu diberi penekanan. Akhlak tidak boleh hanya difahami sekadar perilaku sesorang yang lurus dan jujur sahaja, tetapi ia juga meliputi pemeriksaan penghayatan nilai kebenaran dan amalannya dalam semua aspek kegiatan kehidupan (Siti Sa'adiah & Nor suhaily, 2009).

Analisis kajian Ab. Halim Tamuri (2000, 2004) mendapati krisis akhlak pelajar yang berlaku kini ada kaitannya dengan profesionalisme guru. Ini bermaksud profesionalisme guru yang ditampilkan dapat mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar. Guru yang berpersonaliti menarik, bersifat kemasyarakatan dan keagamaan dapat mempengaruhi bertingkah-laku baik pelajar. Sebaliknya guru yang berpersonaliti tidak sopan mempengaruhi tingkah-laku pelajar.

Laporan Affrizal Ahmad (2008) menunjukkan profesionalisme guru mempunyai kaitan yang rapat dengan pembentukan kualiti hidup sejahtera pelajar. Pendidikan yang disampaikan oleh guru secara berkualiti dan profesional boleh meningkatkan potensi pelajar dalam pelbagai bidang dan aspek kehidupan di masa akan datang seperti peningkatan sumber ekonomi, keupayaan kawalan diri dan kestabilan hubungan sosial. Dalam hal ini keupayaan spiritual juga tidak ketinggalan sekiranya pelajar dibentuk dengan cara yang betul.

Berdasarkan kajian di atas menunjukkan guru Pendidikan Islam perlu menunjukkan tingkah laku dan berpersonaliti lebih baik daripada guru-guru lain. Ini kerana perwatakan dan penampilan guru Pendidikan Islam sentiasa menjadi perhatian dan dinilai oleh para pelajar dan masyarakat sekeliling. Secara tidak disedari para pelajar akan menilai dan meniru pertuturan dan perwatakan guru Pendidikan Islam. Masyarakat juga sering kali menjadikan profesionalisme guru Pendidikan Islam sebagai bahan rujukan, panduan dan ikutan.

2. PROFESIONALISME KEGURUAN DAN PROSES KEPAKARAN DIRI

Trevor (2004) berpendapat bahawa profesionalisme perguruan menuntut guru-guru agar berusaha menjana pengetahuan kepakaran mereka sendiri. Bagi mencapai tahap profesionalisme yang sewajarnya bagi seorang guru, beberapa usaha mestilah dilakukan oleh para guru seperti pelaburan dalam ilmu pengetahuan dan aspek-aspek penggunaan ilmu terbabit dengan harapan ia dapat dimanfaatkan kelak (Linda, 1989).

Selain pelaburan dalam ilmu pengetahuan, Goodson & Pik (2008) mendapati bahawa profesionalisme guru juga menitikberatkan soal pertambahan pengetahuan profesionalisme yang lain ketika berada di komuniti sekolah. Mereka menjelaskan kepentingan guru mengembangkan iltizam mengajar secara berperingkat, ke arah menjadikan profesion keguruan sebagai suatu kerjaya hidup.

2.1 Profesionalisme Keguruan Dan Etika Kerja

Di dalam kajian Craig & Barbara (2009), mereka menyentuh aspek etika ketika membincangkan amalan profesionalisme keguruan. Mereka telah mengkaji tahap pengetahuan dan amalan pihak guru-guru dan pentadbir-pentadbir di sekolah kanak-kanak khas di Wisconsin

berkenaan etika dan piawaian profesional, sepertimana yang telah digariskan oleh *Council for Exceptional Children (CEC)*. Mereka menegaskan kod etika CEC, nilai-nilai asas dan kepercayaan sama-sama perlu ditekankan. Secara ringkas, profesionalisme ini didapati dibina berdasarkan nilai kebertanggungjawaban para guru sebagai satu etika kerja. Wesley & Buysse (2006) dalam Craig & Barbara (2009) mendapati bahawa tema yang seringkali diulang-ulang dalam CEC adalah sikap kebertanggungjawaban para guru pendidikan khas untuk menjadi penyokong kepada kanak-kanak khas dan keluarga mereka.

Berdasarkan dokumen CEC berkaitan piawaian amalan profesionalisme pula, Craig & Barbara (2009) menyatakan bahawa profesionalisme perguruan sebagai suatu amalan pembelaan, pembaikpulihan, kerjasama, galakan, catatan lengkap, maklumat dan tindakan yang berasas dan sokongan terhadap pihak atasan. Kerjasama yang dimaksudkan oleh CEC ini juga melibatkan kerjasama antara guru dan ibubapa dalam menyahut keperluan anak-anak mereka sebagai pelajar, dan bukan hanya tertumpu pada rakan sekerja sahaja.

Profesionalisme juga mempunyai kaitan yang rapat dengan kecemerlangan diri. Kajian menunjukkan guru agama yang profesional adalah mereka yang mementingkan kecemerlangan dalam menjalankan tugas (Kamarul Azmi Jasmie, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2009). Dapatan kajian Kamarul Jazmi dan lain-lain menunjukkan sifat amanah dan ikhlas adalah dua sifat paling utama (tertinggi) yang perlu ada pada guru di dalam menjalinkan hubungannya dengan Allah dan sesama manusia. Amanah juga merupakan ciri orang bertakwa. Antara amalan harian berdasarkan sifat amanah ialah tidak mencuri masa di dalam menjalankan tugas sebagai seorang pendidik. Guru juga mesti ikhlas dengan tidak meminta balasan tetapi lebih mengutamakan kejayaan anak didiknya.

2.2 Profesionalisme Keguruan, Hubungan Sosial Dan Nilai Kerja

Berpasukan

Selain itu, guru-guru profesional sentiasa menekankan hubungan bermutu dengan warga sekolah. Antaranya hubungan guru dengan pelajar. Sebagai contoh guru sentiasa menitikberatkan tentang keunikan keperluan pelajar secara individu, iaitu dalam menimbang satu-satu strategi atau dalam menyesuaikan satu-satu pemulihan untuk seseorang pelajar (Linda, 1989). Beliau menegaskan penekanan juga harus diberikan kepada pembinaan hubungan guru dan pelajar yang rapat dan tidak sepatutnya hanya dilingkungi oleh penilaian dan pembentukan pelajar melalui didikan pengetahuan yang dipisah-pisahkan oleh nama matapelajaran- matapelajaran dan juga berdasarkan tahap pemarkahan semata-mata.

Profesionalisme guru juga diertikan sebagai pelaksanaan kerja yang dijalankan dalam sebuah pasukan, apakah lagi apabila ia melibatkan persediaan kerohanian para guru, kesediaan bekerjasama, tolong menolong, bantu membantu dalam aspek penggunaan alat bantu mengajar dan lain-lain lagi. Aspek-aspek sebegini adalah penting dalam mereka bentuk program dan menyusun bentuk-bentuk pengajaran yang boleh memberikan pelajar pengalaman pembelajaran yang berkesan.

Pada Goodson & Pik (2008), guru-guru profesional adalah mereka yang bijak menyelesaikan masalah. Oleh kerana itu, profesionalisme perguruan menyanjung sikap bertanya dan merunding sesama mereka, bagi menggalakkan lagi usaha-usaha yang dilakukan secara berkumpulan.

Jelas sekali antara indikator profesionalisme keguruan menurut kajian terdahulu merujuk kepada kepentingan aspek etika dan kerohanian, peningkatan diri, kerjasama sosial, kerja berpasukan dan amalan mulia para guru.

3. METODOLOGI

3.1 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap profesionalisme di kalangan guru-guru agama yang bertugas di Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor. Bagi mencapai tujuan ini, objektif kajian adalah untuk melihat tahap profesionalisme guru SRA-JAIS berdasarkan domain agama yang telah ditetapkan. Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan guru SRA-JAIS berdasarkan domian tersebut. Akhir sekali, memberi cadangan ke arah pembinaan Indeks Profesionalisme Guru (IPG) untuk tenaga pengajar SRA-JAIS. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Apakah profil guru SRA-JAIS?
- ii. Apakah kekuatanyang ada pada guru SRA-JAIS berdasarkan Domain Agama?
- iii. Apakah kelemahan yang ada pada guru SRA-JAIS berdasarkan Domain Agama?
- iv. Apakah bentuk program yang boleh diperkenalkan untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme guru SRA-JAIS?

4. INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini adalah borang soal selidik tahap profesionalisme guru yang mengkhususkan kepada Domain Agama yang telah diuji melalui kajian rintis. Sebanyak dua puluh satu (21) item telah dibina untuk kajian ini.

5. KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Sebelum menjalankan penyelidikan sebenar, seramai tujuh orang pegawai Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah ditemubual untuk

mencari maklumat di dalam proses membina soal selidik. Hasilnya satu set instrumen telah dibina yang mengandungi Domain Agama. Instrumen tersebut kemudian telah diperakui oleh pakar dalam bidang pendidikan Islam dan psikologi.

Soal selidik juga telah diuji melalui satu kajian rintis (*pilot study*) kepada 40 orang guru Sekolah Rendah Agama JAIS. Tujuan kajian rintis untuk mengenalpasti tahap kebolehpercayaan instrumen.

6. KAJIAN RINTIS

Soal selidik juga telah diuji melalui satu kajian rintis (*pilot study*) kepada 40 orang guru Sekolah Rendah Agama JAIS di daerah Gombak. Sekolah yang dipilih untuk kajian rintis menyerupai tabiat kajian asal kerana ia juga merupakan sekolah rendah agama di bawah kelolaan JAIS. Kajian mendapat kebolehpercayaan instrumen berdasarkan nilai Cronbach Alpha adalah 97. Ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumennya adalah memuaskan.

7. POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian ini melibatkan guru agama SRA-JAIS seramai 754 orang yang mengajar di 31 buah SRA-JAIS. Kajian ini dijalankan di dua zon iaitu Zon Tengah (Gombak) dan Utara (Hulu Selangor). Sampel kajian ini adalah seramai 355 orang guru agama SRA-JAIS.

Kaedah persampelan yang digunakan adalah *convenience sampling*. Taburan sekolah dan guru sebagaimana Lampiran 1.

8. KADEAH PENGUMPULAN DATA DAN DATA ANALISIS

Penyelidik mengemukakan permohonan kebenaran menjalankan penyelidikan kepada Bahagian Pendidikan Islam JAIS dan Pegawai Agama Islam Daerah untuk mengedarkan soal selidik. Setelah

mendapat kebenaran daripada kedua-dua pihak berkenaan, penyelidik telah menulis surat dan menghubungi melalui telefon pihak sekolah yang terpilih dan memaklumkan tentang kajian yang akan dijalankan kepada mereka. Penyelidik telah mengadakan temujanji dengan pihak sekolah untuk melaksanakan kajian ini di sekolah mereka. Penyelidik juga telah menerangkan kepada pihak pentadbir sekolah tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik mengumpulkan guru-guru yang menjadi responden kajian di bilik guru atau di dewan yang sesuai.

Data-data yang diperolehi melalui kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 14.0)*. Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian telah dianalisis dengan menggunakan analisis diskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latarbelakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item.

9. DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA ANALISIS DEMOGRAFI

Berdasarkan data yang telah dianalisa, kumpulan penyelidik telah mendapati dapatan diskriptif profil para guru adalah sebagaimana berikut.

Jadual 1: Taburan Guru Mengikut Daerah

Daerah	Bilangan Guru	Peratusan
Gombak	139	41.5
Hulu Selangor	196	58.5
Jumlah	335	100

Jadual 1 menunjukkan taburan guru SRA-JAIS yang terlibat dengan kajian ini mengikut daerah. Jadual ini menunjukkan 58.5peratus (n=196) adalah responden dari kawasan Hulu Selangor (zon Utara) dan

sebanyak 41.5 peratus (n=139) adalah responden dari kawasan Gombak (zon Tengah).

Jadual 2: Taburan Jantina dan Umur

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	43	12.8
Perempuan	292	87.2
Jumlah	335	100

Umur	Kekerapan	Peratusan
Kurang dari 25	51	15.2
Antara 25-35	138	41.2
Antara 36-45	99	29.6
Lebih dari 45	47	14.0
Jumlah	335	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dan umur. Jadual ini menunjukkan 87.2 peratus (n=292) adalah responden perempuan manakala hanya 12.8 peratus (n=43) adalah responden lelaki. Dari segi umur pula Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut julat umur. Jadual ini menunjukkan 41.2 peratus (n=138) adalah responden berumur di antara 25 hingga 35 tahun, 29.6 peratus (n=99) adalah responden berumur di antara 36 hingga 45 tahun, 15.2 peratus (n=51) adalah responden berumur 25 tahun dan ke bawah dan 14 peratus (n=47) adalah responden berumur 45 tahun dan ke atas.

Jadual 3: Taburan Kelayakan Akademik

Kelayakan Akademik	Kekerapan	Peratusan
MA	1	0.2
BA	19	5.7
Diploma	88	26.3
Sijil	149	44.5
Lain-lain	78	23.3
Jumlah	335	100

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut kelayakan akademik. Jadual ini menunjukkan 44.5 peratus (n=149) adalah responden yang memegang sijil, 26.3 peratus (n=88) adalah yang memegang diploma, 23.3 peratus (n=78) adalah responden yang memegang kelayakan akademik lain-lain, 5.7 peratus (n=19) adalah responden yang memegang sarjana muda dan 0.2 peratus (n=1) adalah responden yang mempunyai sarjana. Jadual 3 di atas menunjukkan kebanyakan guru Sekolah Rendah Agama (SRA) mempunyai kelayakan peringkat sijil dan diploma.

Jadual 4: Taburan Ikhtisas

Ikhtisas	Kekerapan	Peratusan
Tiada	243	72.5
dp-IPTA	11	3.2
dp-IPTS	17	5.1
dp-maktab	24	7.2
sijil perguruan	18	5.4
lain-lain	22	6.6
Jumlah	335	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan kelayakan iktisas. Jadual ini menunjukkan 72.5 peratus (n=243) adalah responden yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas, 7.2 peratus (n=24) adalah responden yang mempunyai diploma-maktab, 6.6 peratus (n=22) adalah responden yang mempunyai kelayakan iktisas lain-lain, 5.4 peratus (n=18) adalah responden yang mempunyai sijil perguruan, 5.1 peratus (n=17) adalah responden yang mempunyai diploma pendidikan dari IPTS dan 3.2 peratus (n=11) adalah responden yang mempunyai diploma pendidikan dari IPTA. Ini menunjukkan sebahagian besar guru SRA-JAIS tidak mempunyai kelayakan ikhtisas.

Jadual 5: Taburan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Kekerapan	Peratusan
31-35	1	0.3
26-30	6	1.8
21-25	29	8.6
16-20	49	14.6
11-15	48	14.3
6-10	74	22.1
1-5	118	35.3
kurang 1 thn.	10	3.0
Jumlah	335	100

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut julat pengalaman mengajar responden. Jadual ini menunjukkan 35.3 peratus ($n=118$) responden mempunyai pengalaman mengajar antara satu hingga lima tahun. Majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar antara satu hingga sepuluh tahun iaitu sebanyak 57.4 peratus ($n=192$).

Jadual 6 : Taburan Guru Mengajar Subjek Pernah Menyertai Latihan Kaedah Pengajaran

Menyertai Latihan Kaedah Pengajaran		
Status	Kekerapan	Peratus
Ya	294	87.8
Tidak	41	12.2
Jumlah	335	100.00

Jadual 6 menunjukkan taburan responden yang pernah menghadiri latihan kaedah pengajaran. Jadual ini menunjukkan 87.4 peratus ($n=294$) adalah responden yang pernah menghadiri latihan kaedah pengajaran dan 12.2 peratus ($n=71$) responden yang tidak pernah menghadiri latihan kaedah pengajaran. Ini juga menunjukkan guru SRA-JAIS diberi pendedahan latihan kaedah pengajaran oleh pihak tertentu.

Jadual 7: Taburan Guru Pernah Menyertai Latihan Pentadbiran

Menyertai Latihan Pentadbiran		
Status	Kekerapan	Peratus
Ya	57	17.0
Tidak	285	83.0
Jumlah	335	100.00

Jadual 7 menunjukkan taburan responden yang pernah menghadiri latihan pentadbiran. Jadual ini menunjukkan 17.0 peratus (n=57) adalah responden yang pernah menghadiri latihan pentadbiran dan 83.0 peratus (n=285) responden yang tidak pernah menghadiri latihan pentadbiran. Kemungkinan besar guru yang terlibat adalah mereka yang memegang jawatan pentadbiran.

Jadual 8: Taburan Guru Pernah Menyertai Latihan

Teknologi Maklumat

Menyertai Latihan Teknologi Maklumat		
Status	Kekerapan	Peratus
Ya	104	31.0
Tidak	231	69.0
Jumlah	335	100.00

Jadual 8 menunjukkan taburan responden yang pernah menghadiri latihan teknologi maklumat. Jadual ini menunjukkan 31.0 peratus (n=104) adalah responden yang pernah menghadiri latihan teknologi maklumat dan 69.0 peratus (n=238) responden yang tidak pernah menghadiri latihan teknologi maklumat.

Jadual 9 : Taburan Guru Pernah Menyertai Lain-Lain Latihan

Lain-Lain Latihan (contoh)	Kekerapan	Peratusan
Program Pembinaan Insan <i>(spt. SPIES/Program Bina Insan Negeri Selangor)</i>	17	5.1
Profesionalisme <i>(spt. Kursus Profesionalisme Perguruan ILDAS atau Kursus Sahsiah Perguruan)</i>	7	2.1
Motivasi <i>(spt. Kem Bina Semangat/Motivasi atau)</i>	5	1.5
Kaunseling <i>(spt. Bimbingan Dan Kaunseling ILDAS 2010)</i>	4	1.2
Kursus Persendirian <i>(spt. Kaedah Penulisan Seni Islam, Bengkel Cabaran Ibu Bapa atau BTN)</i>	3	0.9
Kurikulum <i>(spt. Asas KBSR ILIM, 2005)</i>	1	0.3
Kursus Panitia Matapelajaran	1	0.3
Pengurusan Pelajar <i>(spt. Pengurusan Disiplin & Akademik)</i>	1	0.3
Kursus-kursus <i>(tidak dinyatakan dengan jelas)</i>	2	0.6
Kursus Matapelajaran *	12	3.6
<i>(spt. Jawi, Khat, Bahasa Arab, Al-Quran dan Fardhu Ain)</i>		
Pedagogi *	9	2.7
<i>(spt. Pengajian & Pembelajaran Di ILDAS)</i>		
Perguruan *	5	1.5
<i>(spt. Perguruan, Asas Perguruan ILDAS 2000)</i>		
Pendidikan*	2	0.6
<i>(spt. Kursus Asas Pendidikan)</i>		
Kokurikulum*	1	0.3
<i>(spt. Pengurusan Jenazah)</i>		
Pentadbiran Sekolah **	2	0.6
<i>(spt. Pengurusan Kewangan Sekolah atau Pengurusan Aset Sekolah)</i>		

Lain-Lain Latihan (contoh)	Kekerapan	Peratusan
Pendidikan Bestari *** <i>(spt. Kursus Asas Pendidikan Bestari Di ILDAS)</i>	3	0.9
Multimedia*** <i>(spt. Audio)</i>	2	0.6
Perguruan Bestari *** <i>(spt. Kursus Asas Keguruan Bistari)</i>	1	0.3

Nota. termasuk dalam Kategori Kaedah Pengajaran ** termasuk dalam Kategori Latihan Pentadbiran*** termasuk dalam Kategori Latihan Teknologi Maklumat*

Jadual 9 menunjukkan taburan responden yang pernah menghadiri lain-lain latihan. Jadual ini menunjukkan 5.1 peratus (n= 17) adalah peratus tertinggi.

Ia mewakili responden yang pernah menghadiri kursus program pembinaan insan (seperti SPIES atau Program Bina Insan Negeri Selangor), 3.6 peratus (n= 12) pula adalah kekerapan kedua tertinggi yang mewakili kehadiran responden ke kursus matapelajaran (Jawi Khat, Bahasa Arab, Al-Quran dan Fardhu Ain), 2.7 peratus (n= 9) pula adalah kekerapan ketiga tertinggi mewakili responden yang hadir ke kursus pedagogi (seperti Pengajian & Pembelajaran Di ILDAS), diikuti dengan 2.1 peratus (n= 7) untuk kursus profesionalisme (seperti Kursus Profesionalisme Perguruan ILDAS atau Kursus Sahsiah Perguruan), 1.5 peratus (n= 5) masing-masing untuk kursus motivasi (seperti Kem Bina Semangat/ Motivasi) dan kursus perguruan (seperti Perguruan Asas Perguruan ILDAS 2000).

Peratus kehadiran responden yang pernah menghadiri lain-lain latihan seterusnya dilaporkan dengan nilai 1.2 peratus (n= 4) bagi kursus kaunseling (seperti Bimbingan Dan Kaunseling ILDAS 2010), 0.9 peratus (n= 3) masing-masing untuk kursus pendidikan bestari (seperti Kursus Asas Pendidikan Bestari Di ILDAS) dan kursus

persendirian (seperti Kaedah Penulisan Seni Islam Bengkel Cabaran Ibu Bapa atau BTN), 0.6 peratus (n= 2) masing-masing untuk kursus pentadbiran sekolah (seperti Pengurusan Kewangan Sekolah atau Pengurusan Aset Sekolah), kursus pendidikan (seperti Kursus Asas Pendidikan) dan kursus multimedia, manakala 0.3 peratus (n= 1) pula yang peratus penyertaan terendah adalah masing-masing untuk kursus pengurusan pelajar (seperti Pengurusan Disiplin & Akademik), kursus panitia matapelajaran, kursus kurikulum (seperti Asas KBSR ILIM 2005), kursus kokurikulum (seperti Pengurusan Jenazah) dan kursus perguruan bistari (seperti Kursus Asas Keguruan Bistari). Namun, terdapat 0.6 peratus (n= 2) responden yang tidak menyatakan dengan jelas tentang bentuk kursus yang mereka telah hadiri. Ini menunjukkan pihak kerajaan negeri dan JAIS menyediakan latihan yang bersesuaian dengan profesional keguruan di samping latihan-latihan lain.

10. DAPATAN KAJIAN DOMAIN AGAMA

Jadual 10: Menunaikan Solat Pada Awal Waktu

Status	Kekerapan	Peratusan
Tidak pernah	1	0.3
Jarang-Jarang	5	1.5
Kadang-Kadang	86	25.7
Sentiasa	164	49.0
Sangat Sentiasa	76	22.7
Tiada respon	3	0.8
Jumlah	335	100.0

Jadual 10 menunjukkan taburan responden berkaitan amalan solat mereka pada awal waktu. Jadual ini menunjukkan 0.3 peratus (n=1) responden yang tidak pernah solat pada awal waktu, manakala 1.5

peratus (n=5) jarang-jarang, 25.7 peratus (n= 86) kadang-kadang, 49.0 peratus (n= 164) sentiasa dan 22.7 peratus (n= 76) sangat sentiasa. Sementara itu, 3 peratus (n=0.8) didapati tiada respon. Ini menunjukkan sebahagian besar guru mengambil berat amalan solat di awal waktu.

Jadual 11 : Menunaikan Solat Berjemaah

Status	Kekerapan	Peratusan
Tidak pernah	1	0.3
Jarang-Jarang	28	8.4
Kadang-Kadang	172	51.3
Sentiasa	97	28.9
Sangat Sentiasa	33	9.9
Tiada respon	4	1.2
Jumlah	335	100.0

Jadual 11 menunjukkan taburan responden mengikut amalan menunaikan solat secara berjemaah. Jadual ini menunjukkan 0.3 peratus (n=1) responden yang tidak pernah menunaikan solat berjemaah, 8.4peratus (n=28) jarang-jarang, 51.3peratus (n=172) kadang-kadang, 28.9 peratus (n=97) sentiasa dan 9.9peratus (n=33) sangat sentiasa. Sementara itu, 1.2 peratus (n=4) didapati tiada respon. Peratusan tertinggi menunjukkan guru kadang-kadang menunaikan solat jamaah iaitu 51.3 peratus (n=172).

Jadual 12 : Menunaikan Solat Rawatib

Status	Kekerapan	Peratusan
Tidak pernah	10	3.0
Jarang-Jarang	59	17.6
Kadang-Kadang	171	51.0
Sentiasa	73	21.8
Sangat Sentiasa	18	5.4
